

**PERANAN AL-JUZULI (M. 870H) DALAM PENYATUAN UMMAH
BERDASARKAN KITAB 'AKIDAH AL-JUZULI**

**[THE ROLE OF AL-JUZULI (D. 870H) IN THE UNIFICATION OF THE UMMAH
BASED ON 'AKIDAH AL-JUZULI]**

AHMAD ARIF ZULKEFLI,^{1*} MUHAMMAD HAFIZI ROZALI,² KHAIRUL AZHAR MEERANGANI,³
MOHAMMAD FAHMI ABDUL HAMID,³ NURUL AIN KAMARUDIN³ & AHMAD LUQMAN ZULKEFLI³

¹ Jabatan Usul al-Din dan Perbandingan Agama, AbdulHamid AbuSulayman, Fakulti Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, 50728, Kuala Lumpur, Malaysia.

² Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia

³ Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka, Melaka, Malaysia
Correspondent Email: ahmadarif@iium.edu.my

Received: 30 September 2022

Accepted: 7 October 2022

Published: 16 November 2022

Abstrak: Muhammad bin Sulayman al-Juzuli al-Sousi merupakan seorang ulama terkemuka Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah pada abad ke-9 Hijrah. Beliau meneruskan kesinambungan tarekat al-Shadhiliyyah yang diasaskan oleh Abu al-Hassan al-Shadhili (m. 656H) dan merupakan seorang sarjana yang banyak memberikan sumbangan kepada Islam khususnya dalam bidang tasawwuf dengan penulisan magnum opusnya iaitu kitab Dala'il al-Khayrat yang menjadi wirid di seluruh dunia dan beberapa penulisan yang lain. Beliau diiktiraf sebagai seorang tokoh sufi dan akidah yang terkemuka dalam kalangan sarjana Islam sehingga ke hari ini dan ketokohan beliau terserlah melalui tarekat beliau iaitu tarekat al-Juzuliyah yang diikuti oleh ramai ulama khususnya di Maghribi. Namun begitu, perbincangan berkaitan sumbangan beliau dalam menyatupadukan ummah khususnya melalui kitab 'Akidah al-Juzuli dilihat masih kurang diberi tumpuan oleh pengkaji muta'akhirin. Justeru itu, fokus utama kajian ini adalah untuk mengkaji sumbangan beliau dari aspek peranan kitab ini dalam penyatuan ummah dan kesannya terhadap Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kaedah pengumpulan data menggunakan metodologi kajian kepustakaan dan kajian ini memilih kitab 'Akidah al-Juzuli sebagai sumber utama. Manakala kaedah penganalisaan data pula menggunakan metodologi analisis kandungan iaitu dengan merujuk kepada karya turath para ilmuwan Islam untuk mendapatkan huraian sebenar berkaitan peranan dan sumbangan al-Juzuli dalam penyatuan ummah. Dapatan kajian mendapati bahawa Muhammad bin Sulayman al-Juzuli merupakan seorang ulama akidah terkenal yang telah memberikan sumbangan besar terhadap penyebaran mazhab al-Ash'ari di dunia barat Islam. Pemikiran akidah yang ditonjolkan oleh beliau dapat dijadikan sebagai iktibar dan rujukan umat Islam khususnya dalam menyatupadukan umat Islam yang akhir-akhir ini dilihat semakin berpecah.

Kata Kunci: Akidah al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman al-Juzuli, Ahl al-Sunnah wa al- Jama'ah.

Abstract: Muhammad ibn Sulayman al-Juzuli al-Sousi was a leading scholar of Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah in the 9th century of Hijrah. He continued the continuation of the al-Shadhiliyyah order founded by Abu al-Hassan al-Shadhili (d. 656H) and was a scholar who left many contributions to Islamic knowledge, especially in the field of tasawwuf with the writing of his magnum opus, Dala'il al- Khayrat which was recited across the world and also his several other writings. He was hailed as a

leading sufi and religious figure among Islamic scholars to this day and his prominence is evident through his al-Juzuliyah order, which is followed by many scholars, especially in Morocco. However, the discussion related to his contribution in uniting the ummah, especially through his book 'Akidah al-Juzuli is seen to be less studied by recent scholars. Therefore, the main focus of this study is to examine his contribution from the aspect of the role of this book in the unification of the ummah and its impact on Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah al-Asha'irah. This study uses a qualitative approach. The data collection method used the methodology of library research and this study chose the book 'Akidah al-Juzuli as the main source. While the method of data analysis uses content analysis methodology that is by referring to the work of Islamic scholars to get a true description of the role and contribution of al-Juzuli in the unification of the ummah. The study found that Muhammad bin Sulayman al-Juzuli was a well-known religious scholar who had contributed greatly to the spread of the al-Ash'ari school in the western Islamic world. The thoughts of faith that he highlighted can be used as a lesson and reference for Muslims, especially in uniting Muslims who have lately been seen to be increasingly divided.

Keywords: 'Akidah al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman al-Juzuli, Ahl al-Sunnah wa al- Jama'ah.

Cite This Article:

Ahmad Arif Zulkefli, Muhammad Hafizi Rozali, Khairul Azhar Meerangani, Mohammad Fahmi Abdul Hamid, Nurul Ain Kamarudin & Ahmad Luqman Zulkefli. (2022). Peranan Al-Juzuli (M. 870h) dalam Penyatuan Ummah Berdasarkan Kitab 'akidah Al-Juzuli [The Role of Al-Juzuli (d. 870h) in The Unification of The Ummah Based on 'akidah Al-Juzuli]. *International Journal of Advanced Research in Islamic Studies and Education (ARISE)*, 2(4), 106-114.

PENGENALAN

Nama Muhammad bin Sulayman al-Juzuli adalah sebuah nama yang gah disebut sebaris dengan tokoh-tokoh sufi dan mutakallimin di dalam kitab sejarah dan diungkapkan oleh para pengkaji di dunia barat Islam. Karya-karyanya masih terus dibaca, dibincang dan dijadikan sebagai hujah dan rujukan dalam kajian-kajian mereka.

Beliau yang meninggal dunia sekitar kurun ke-9 Hijrah adalah merupakan seorang tokoh mazhab al-Ash'ari yang unggul dan terkenal di dunia barat Islam. Kehebatan beliau dalam bidang keilmuan tidak dapat disangkal lagi. Hal ini terbukti apabila beliau telah menghasilkan pelbagai karya yang menjadi sumber rujukan ulama terkemudian. Mahakarya beliau iaitu kitab selawat *Dala'il al-Khayrat wa Shawariq al-Anwar* dibaca oleh hampir seluruh masyarakat dunia khususnya di Nusantara dan juga di negara Maghribi sendiri sehingga ke hari ini. Malahan, ia juga sering dibacakan di pondok-pondok pengajian, madrasah, institusi keagamaan, dan sebagainya (al-Juzuli, 2014).

BIOGRAFI IMAM AL-JUZULI

Nama penuh beliau ialah Abu 'Abd Allah Muhammad bin 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr bin Sulayman al-Semlali al-Sousi, atau lebih dikenali di Maghribi sebagai Sidi Bin Sulayman. Beliau merupakan seorang tokoh ulama Maghribi yang bertarekat al-Shadhiliyyah. Tarekat al-Shadhiliyyah adalah merupakan tarekat yang terkenal di Maghribi, hal ini kerana melaluinya, keluar beberapa cabang tarekat lain yang banyak diikuti di negara tersebut. Tarekat-tarekat tersebut adalah seperti:

- Al-Tabba'iyah
- Al-Ghazwaniyyah
- Al-Falahiyyah
- Al-Bakriyyah
- Al-Isawiyyah
- Al-Sharqawiyyah
- Al-Bu'amriyyah dan sebagainya (Al-'Alami, 2020).

Beliau sepertimana yang dinukilkan oleh banyak ulama, merupakan seorang yang *'amilin*, seorang imam yang diikuti, yang menghimpunkan kemuliaan nasab dan agama, ilmu dan amal, *ahwal al-rabbaniyyah* yang mulia, akhlak yang terpuji, ilmu laduni, *sir rabbani*, dan mempunyai banyak karamah. Beliau telah mengasaskan sebuah tarekat yang dikenali sebagai tarekat al-Juzuliyyah yang juga merupakan pecahan daripada tarekat al-Shadhiliyyah (Al-Semlali, 2010).

Pengarang kitab *Shajarah al-Nur al-Zakiyyah* menyebutkan mengenai ketokohan beliau (Makhluf, 2012):

“Al-Sharif al-Hasani al-Faqih, al-Imam Shaykh al-Islam, ‘Alam al-A’lam, al-‘Alim al-Shaykh al-Kamil, al-‘Arif Billah al-Wasil, merupakan seorang pemilik karamah yang banyak, dan *manaqib* yang masyhur. Beliau belajar pelbagai ilmu zahir dan batin dengan ramai mashayikh dan mendapat manfaat daripada mereka. Beliau juga mempunyai murid yang sangat ramai dan mereka semuanya mendapat manfaat yang besar daripadanya” (Al-Semlali, 2010).

Guru-guru beliau:

Al-Juzuli bermusafir ke Fez, Maghribi untuk menuntut ilmu dan tinggal di madrasah al-Saffarin. Di sana, beliau hidup ber'*uzlah*, bertafakur sendirian dan berusaha bersungguh-sungguh mencari seorang murabbi untuk berada di bawah bimbingannya (Al-Semlali, 2010). Apabila tidak menemui murabbi setelah beberapa lama tinggal di Fez, beliau kemudiannya telah bermusafir ke negara timur seperti Hijaz, Mesir, dan al-Quds. Terdapat perbezaan riwayat mengenai tempoh masa permusafiran beliau, ada yang mengatakan ia mengambil masa selama tujuh tahun, dan ada pula yang mengatakan lebih dari itu (Makhluf, 2007). Sewaktu berada di Kaherah, beliau telah berguru dengan Shaykh ‘Abd al-‘Aziz al-‘Ajami di masjid al-Azhar (Al-Semlali, 2010).

Namun begitu jauh di sudut hati al-Juzuli, beliau sebenarnya tidak menemui apa yang ingin dicarinya sepanjang permusafiran tersebut. Maka disebabkan itu beliau telah mengambil keputusan untuk pulang ke Maghribi dan tinggal sekali lagi di Fez. Sekembalinya beliau ke bumi kelahirannya, al-Juzuli telah bertemu dengan Shaykh Ahmad Zarrouq, yang membimbing dan membawa beliau bertemu dengan guru dan murabbinya iaitu Shaykh Abu ‘Abd Allah Muhammad Amghar al-Saghir di Tit, sebuah kawasan di utara Maghribi (Al-Semlali, 2010).

Murid-murid beliau

Terdapat lebih daripada 12,000 orang murid berkumpul di bawah bimbingan beliau setelah beliau mengasaskan tarekat al-Juzuliyah. Mereka adalah seperti:

- Shaykh Ahmad bin ‘Umar Al-Harithi Al-Meknasi
- Shaykh ‘Abd al-‘Aziz Al-Tabba’
- Shaykh Abu ‘Abd Allah al-Saghir al-Suhaili.

Mereka bertiga adalah merupakan guru kepada para wali terkenal di Maghribi. Mereka adalah seperti al-‘Arif Billah al-Qutb, Abu ‘Abd Allah Muhammad bin ‘Isa al-Meknasi, Abu al-‘Abbas Ahmad bin Sa’id, dan saudaranya Muhammad bin Sa’id (Makhluf, 2007).

Karya beliau:

Disebutkan di dalam kitab *Izhar al-Kamal*, Al-Juzuli telah menulis dan mengumpulkan kitab *Dala’il al-Khayrat* di perpustakaan al-Qarawiyyin, Fez. Menurut sumber, al-Juzuli telah menulisnya di Madrasah al-Saffarin yang terletak berhadapan dengan perpustakaan al-Qarawiyyin, di dalam sebuah bilik kecil yang mempunyai sebuah lubang pada dindingnya. Hal ini seperti mana yang disebutkan oleh Shaykh Muhammad al-‘Arabi bin Sidi Yusuf al-Fasi. Selain itu, dikatakan juga, sebelum menulis setiap bait selawat, beliau akan solat sunat dan berdoa, lantas menulis satu bait di sebuah lembaran kertas, kemudian beliau akan menggulung dan meletakkannya di dalam lubang dinding biliknya dan melakukan lagi solat sunat sehingga kitab tersebut selesai (Al-Semlali, 2010).

Telah diceritakan bahawa sebab utama beliau mengarang kitab ini ialah:

Pada suatu hari beliau ingin mengambil wudu’ untuk solat, namun tidak mendapati bekas untuk mengambil air dari perigi. Kemudian seorang kanak-kanak perempuan yang sedang melihat beliau dari tempat yang tinggi berkata: “Apakah tuan ini lelaki yang sering diperkatakan oleh masyarakat sebagai seorang yang soleh? Bagaimana tuan boleh merasa bingung untuk mengeluarkan air daripada perigi ini? Kemudian kanak-kanak tersebut datang kepada al-Juzuli lantas meludah ke dalam perigi tersebut. Dengan kekuasaan Allah, air perigi pun naik melimpah sehingga basah di sekeliling kawasan perigi tersebut. Kemudian al-Juzuli pun berwudu’ seraya berkata: Demi Allah, apakah yang membuatkan kamu sampat ke darjat ini? Lantas kanak-kanak perempuan itu menjawab: “Dengan banyak berselawat ke atas Nabi SAW”. Lalu beliau bersumpah untuk mengarang sebuah kitab selawat ke atas Nabi SAW, lalu dinamakannya dengan nama ‘*Dala’il al-Khayrat*’ (Al-Semlali 2010; Al-Juzuli 2013).

Selain daripada kitab *Dala’il al-Khayrat* ini, beliau juga ada mengarang beberapa kitab lain seperti:

- ‘*Aqidah al-Juzuli*. Ia telah ditahkik oleh Dr Khalid Zahri al-Maghribi pada tahun 2014.

- *Kitab al-Zuhd.*
- *Min Kalam al-Shaykh al-Juzuli.*
- *Al-Hizb al-Kabir*
- *Hizb al-Falah*
- *Al-Hizb al-Saghir.*

Kewafatannya

Beliau wafat di Afughal, al-Shayazimah yang merupakan sebuah kawasan persisiran pantai di antara Asfi dan Essaouira yang terletak di selatan Maghribi yang kebanyakannya didiami oleh masyarakat Amazigh. Al-Juzuli wafat dalam keadaan sujud pada sujud pertama, rakaat kedua solat Subuh, pada hari Rabu bulan Zulkaedah 870 Hijrah. Jenazah beliau telah dikebumikan setelah solat Zohor di dalam masjid yang diasaskan sendiri oleh beliau di sana.

Shaykh Ahmad Baba al-Timbukti di dalam *Nayl al-Ibtihaj* berkata:

“... beliau meninggal dunia kerana diracun, pada rakaat pertama solat Subuh 16 Rabi’ al-Awwal 870 Hijrah” (Al-Timbukti, 2000).

Selain itu Shaykh Ahmad Zarrouq juga berkata:

“Beliau meninggal dunia pada solat Subuh kerana diracun, sama ada pada sujud kedua rakaat pertama atau sujud pertama pada rakaat kedua tahun 870 Hijrah (Al-Semlali, 2010).

PERANAN AL-JUZULI DALAM PENYATUAN UMMAH BERDASARKAN KITAB ‘AKIDAH AL-JUZULI

Tidak syak lagi bahawa al-Juzuli memainkan peranan yang sangat besar dalam tasawuf Islam. Beliau adalah *mujaddid* bagi tarekat al-Shadhiliyyah dan pengasas kepada tarekat al-Juzuliyyah yang banyak tersebar di Maghribi (Jallab, 1995).

Antara elemen akidah yang sangat ditekankan oleh al-Juzuli di dalam tarekatnya adalah seperti berikut:

1. Mewajibkan para *muridin* untuk memahami konsep tauhid serta cabangnya dengan sebenar-benar kefahaman selain daripada kewajipan bersuluk di bawah bimbingan seorang sheikh murabbi. Sebagai contoh, beliau telah menggariskan syarat untuk bertaubat bagi mereka yang berada di dalam tarekat al-Juzuliyyah iaitulah mereka ini mestilah mengikut seorang sheikh yang alim di dalam ilmu zahir dan batin. Hal ini berbeza dengan tarekat al-Shadhiliyyah atau tarekat lain yang tidak mensyaratkan perkara ini (Al-Fasi, 1313).
2. Menganjurkan para *muridin* untuk melazimi zikir dan selawat ke atas Nabi SAW khususnya melalui hizib-hizib dan kitab *Dala’il al-Khayrat* yang dikarang olehnya selain memperbanyakkan bacaan al-Quran. Beliau sememangnya adalah seorang yang

banyak membaca al-Quran sewaktu *khulwah*nya, namun beliau tidak mewajibkan para *muridin* untuk menirunya.

3. Mewajibkan para *muridin* untuk *berkhulwah* setelah melakukan taubat agar jiwa menjadi lebih bersih dan tenang.
4. Seseorang *muridin* itulah haruslah beradab dengan sheikhnya. Al-Juzuli telah menggariskan 20 adab berguru, yang mana lima daripadanya adalah terkait adab sewaktu duduk bersama sheikh. Hal ini kerana menurut beliau, mereka yang beradab dengan para sheikh, akan beradab dengan Tuhan (Al-Fasi, 1313).
5. Mewajibkan para *muridin* untuk menjadikan adab dan sifat mahmudah sebagai perhiasan diri seperti mencintai *al-Khaliq*, mengurangkan tidur, banyak bersabar, tidak banyak mengadu, menjauhi sifat dengki dan marah, jujur dan zuhud dalam harta dan pangkat serta tidak meninggalkan warisan harta pusaka (Al-Fasi, 1313).
6. Al-Juzuli telah meletakkan beberapa perkara yang harus dilakukan dan ditempuhi oleh para *muridin* dan *salikin* sebelum sampai ke peringkat *fana'* pada zat Allah. Secara ringkasnya ia adalah seperti berikut (Al-Juzuli, 1999):
 - a. Bertaubat atas perbuatan yang telah lalu, dan berhenti melakukan kejahatan, serta berlumba-lumba dalam melakukan kebaikan selain *bersuhbah* dengan orang-orang yang soleh.
 - b. Zuhud dan mengosongkan hati daripada nikmat dunia. Menurut beliau, seseorang itu tidak akan dapat mencapai sifat zuhud melainkan dengan kejujuran yang sebenar dalam pelbagai aspek kehidupan.
 - c. Bermujahadah. Zuhud merupakan permulaan bagi mujahadah dan penghapus kepada sifat mazmumah. Dengan melawan keinginan nafsu, akan sempurna mujahadah, dan menghiaskan diri dengan dengan sifat mahmudah sedikit demi sedikit dan inilah peringkat permulaan.
 - d. Muraqabah iaitu menjaga roh daripada melakukan dosa. Al-Juzuli telah menamakan peringkat ini sebagai peringkat malu dan syukur. Ia adalah merupakan peringkat pertengahan yang mana di sisi beliau, mujahadah dan muraqabah adalah dua peringkat yang harus dilalui oleh setiap *muridin* untuk sampai kepada Allah SWT.
 - e. Setelah selesai peringkat permulaan dan pertengahan, seorang salik akan naik ke peringkat tertinggi iaitu musyahadah. Musyahadah adalah merupakan ibarat daripada kepercayaan kepada wujud yang hakiki tanpa sebarang keraguan iaitu *shuhud* kepada Allah dengan memandang setiap sesuatu itu tidak akan wujud melainkan kerana Allah yang menciptakannya. Menurut al-Juzuli, ia adalah merupakan peringkat yang tertinggi yang dicapai oleh seorang *salik*.

Hasil daripada apa yang diterapkan ini, beliau berjaya menyatu-padukan ummah pada waktu tersebut, khususnya menerusi amalan tarekat yang beliau tonjolkan ini. Masyarakat yang keliru berkenaan amalan dalam tarekat dapat memahaminya dengan baik dan ramai orang dari seluruh pelosok Maghribi mula mengamalkan tarekat ini disamping menyatupadukan antara *muridin* dari pelbagai tarekat lain (Jallab, 1995).

FAKTOR PERKEMBANGAN TAREKAT AL-JUZULIYAH

Antara faktor utama tarekat ini berjaya tersebar dan berkembang luas kepada beberapa cabang tarekat lain adalah seperti berikut:

- a. Ia tidak termasuk dalam perbincangan tasawuf falsafi, sebaliknya ia mengimbangi perbincangan di antara syariat dan hakikat. Al-Juzuli mengajar para *muridin* tentang hukum-hukum syarak, mengenal Pencipta dan sebagainya. Kemudian beliau juga turut membahaskan perkara berkaitan *al-Ma'arif al-Sufiyyah* iaitu masalah-masalah asas yang dapat menolong para *muridin* untuk naik ke peringkat *wusul* iaitu tujuan yang dikehendaki. Fokus beliau adalah menjelaskan setiap peringkat bagi setiap sufi iaitu permulaan, pertengahan dan pengakhiran tanpa masuk ke dalam perbincangan-perbincangan yang mendalam berkenaannya. Di sini jika dilihat, beliau konsisten dalam mempertahankan keutuhan dan penyatuan umat agar tidak keluar daripada *ijma'* ulama Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah (Al-Juzuli, 2014).
- b. Sudut aplikasi dan praktikal tasawuf lebih ditekankan berbanding teori dan perbincangan falsafi. Oleh sebab itu, kita lihat beliau memfokuskan kepada usaha mentalqinkan dan mentarbiah para *muridin*. Hal ini dapat dilihat melalui wirid dan hizb yang disusun untuk dilazimi oleh muridnya pada setiap waktu yang berbeza sama ada siang atau malam, harian atau mingguan. Beliau juga dilihat sangat menjaga *common sense* dalam berinteraksi dengan para *muridin*. Hal ini dapat dilihat apabila beliau sering meringkaskan pengajaran beliau bersama para *muridin* (Al-Juzuli 2014).
- c. Tarekat al-Juzuliyah amat menggalakkan para *muridin* untuk berjihad sama ada berjihad melawan hawa nafsu ataupun jihad berperang pada jalan Allah. Al-Juzuli sendiri juga sering mengajak para *muridin* untuk bangkit menentang penjajah Perancis. Hal ini sepertimana yang disebutkan di dalam kitab beliau yang berjudul '*Dawlatuna Dawlat al-Mujtahidin al-Mujahidin fi Sabil Allah al-Qatilin A'da' Allah*' (Al-Fasi, 1313).

Berdasarkan faktor yang telah disebutkan, maka sememangnya tarekat al-Juzuliyah mampu tersebar ke seluruh dunia Islam secara umumnya dan di negara Maghribi secara khususnya. Buktinya adalah seperti berikut:

- i. Kemunculan tarekat-tarekat dan zawiyah-zawiyah yang berasal dari tarekat al-Juzuliyah di pelbagai kawasan di al-Maghrib al-'Arabī.
- ii. Penerimaan mereka dalam mensyarahkan kitab-kitab Imam al-Juzulī khususnya *Dalā'il al-Khayrāt*.
- iii. Penulisan buku mengikut manhaj beliau.

KEISTIMEWAAN KITAB 'AL-AQIDAH AL-JUZULI DAN KECENDERUNGAN AL-JUZULI DALAM AKIDAH:

Al-Juzuli di dalam kitab ini telah membahagikan akidah kepada empat bahagian iaitu: *al-Tab'iyyat*, *al-Ilahiyyat*, *al-Nubuwwat* dan *al-Sam'iyyat*. Sedangkan sebahagian mutakallimin mengabaikan bahagian pertama kerana ianya tidak begitu penting bagi golongan *mu'tadi'in*, dan sebahagian mereka pula ada yang mengabaikan bab *al-Ilahiyyat* (Al-Juzuli, 2014).

Beliau memulakan perbincangan akidahnya dengan perbincangan berkaitan qawa'id al-Islam, qawa'id al-Iman, makna Ilah, makna-makna dan rahsia-rahsia lafaz selawat, kemudian dilanjutkan dengan perbincangan berkenaan isu-isu ketuhanan dan kenabian disamping menyebutkan perbezaan antara iman, islam dan ihsan.

Kitab akidah ini mempunyai pelbagai unsur yang penting di dalam mazhab Ahl al-Sunnah Wa al-Jamaah khususnya al-Asha'irah yang mana daripada perbincangan tersebut, dapat dilihat dengan jelas ketokohan *ash'ariyyah* al-Juzuli yang mungkin sebelum ini hanya dikenali sebagai seorang tokoh sufi namun dengan kehadiran kitab ini, pengkaji dapat menyebutkan dengan yakin bahawa beliau juga adalah salah seorang tonggak di dalam mazhab al-Ash'ari terutamanya di al-Maghrib al-Aqsa. Antara bukti yang boleh ditonjolkan adalah seperti berikut:

1. Beliau tidak membenarkan bertaqlid di dalam akidah. Semua sedia maklum bahawa perbahasan *al-Tabi'iyat* adalah asas secara teori yang utama dalam beristidlal terhadap isu-isu hukum akal di dalam dua bab utama iaitu *al-Ilahiyyat* dan *al-Nubuwwat* (Al-Juzuli, 2014).
2. Di dalam kitab ini, beliau menyebutkan antara rukun utama iman ialah melakukan *al-nazar* (pemerhatian) terhadap setiap perkara, dan 'perkara' di sini menurut ulama mutakallimin ialah 'alam' iaitu setiap apa yang selain daripada Allah dan sifatNya berserta pembahagiannya yang berupa *jawhar* dan *a'rad* (Al-Juzuli, 2014).
3. Beliau telah membahagikan sifat *nafsiyyah* atau sifat zat kepada enam sifat. Ia jelas berbeza dengan yang dikemukakan oleh Muhammad bin Yusuf al-Sanusi di dalam kitab *Umm al-Barahin* yang hanya membahagikan ia kepada satu sifat sahaja iaitu wujud (Al-Sanusi, 2019). Manakala lima sifat lagi adalah sifat *salbiyyah*, namun ia difahami dengan cara yang berbeza oleh al-Juzuli yang menganggap ia juga adalah termasuk dalam kelompok sifat *nafsiyyah*.
4. Beliau menyatakan Allah SWT maha suci daripada wujud di dalam alam dan di luar alam. Hal ini merupakan satu perbahasan penting dalam kalam mutakallimin dalam mengisbatkan kewujudan Allah SWT. Perkara ini juga telah diselitkan oleh beliau di dalam *Dala'il al-Khayrat* (Al-Juzuli, 2014).
5. Beliau juga menganggap sifat dan zat itu adalah satu perkara yang sama. Jadi beliau mengatakan Allah itu 'alim dan qadir dengan zatNya bagi mengelakkan daripada terjatuh ke dalam tajsim dengan memahami sifat ma'ani sebagai sifat tambahan ke atas zat. Perkara ini sebenarnya disebutkan juga di dalam *al-Hizb al-Kabir* karangan beliau. Hal ini bukan bererti beliau terpengaruh dengan golongan al-Mu'tazilah, bahkan beliau sendiri juga turut menolak golongan ini (Al-Juzuli, 2014).
6. Pandangan beliau terhadap isu melihat Allah, adalah selari dengan al-Asha'irah iaitu tergolong dalam perkara harus. Beliau menyebutkan di dalam kitabnya:

“Hendaklah kamu berjaga-jaga -wahai si miskin (orang yang sangat dikasihani)-daripada golongan al-Mu'tazilah yang mengatakan mustahil melihat Allah di dunia dan akhirat. Dunia adalah makhluk dan akhirat juga adalah makhluk, tidak ada beza antara keduanya melainkan kesucian. Ahli syurga itu orang-orang yang suci, begitu juga para wali. Allah menyucikan mereka di dunia daripada segala sifat keji dan melimpahkan kepada mereka segala sifat yang terpuji...” (Al-Juzuli, 2014).

KESIMPULAN

Kedudukan Muhamamd bin Muhammad bin Sulayman al-Juzuli sebagai seorang ilmuan Islam agung tidak dapat disangkal lagi. Beliau mendapat sanjungan daripada kalangan sarjana Islam sezaman dengannya dan para sarjana Islam berikutnya hingga ke hari ini. Beliau adalah seorang tokoh sufi yang terkenal dalam penyebaran mazhab al-Ash'ari di dunia barat Islam. Selain itu, beliau juga berjaya menerapkan asas-asas ilmu kalam dan menyebarkan ilmu akidah dalam

kalangan masyarakat awam di dunia barat Islam melalui kitab selawat beliau yang terkenal iaitu *Dala'il al-Khayrat*. Walaupun seorang tokoh sufi, sumbangan beliau dalam bidang akidah tidak kurang hebatnya dan harus diletakkan sebaris dengan nama ulama mutakallimin yang besar. Peranan beliau dalam penyatuan ummah juga masih dapat dirasai sehingga hari ini. Walaupun beliau telah wafat, tarekat dan kitab-kitab beliau masih banyak tersebar, diamalkan dan dibaca oleh kaum muslimin khususnya di Nusantara dan Maghribi. Tidak kurang juga usaha penterjemahan, penterjemahan dan kajian yang masih giat dilakukan terhadap kitab-kitab ini merupakan suatu usaha baik dalam memelihara khazanah ilmu untuk manfaat ummah.

RUJUKAN

- Al-'Alami, Tariq. 2020. *Dawr al-Juzuli fi Tarsikh Rawabit al-Wahdah*. t.tp.: t.pt.
- Al-Fasi, Muhammad al-Mahdi. 1994. *Mumti' al-Asma' fi Dhikr al-Juzuli wa al-Tabba' wa ma lahumina min al-Atba'*. Casablanca: Matba'ah al-Najah al-Jadida.
- Jallab, Hassan. 1995. *Muqtataf min Kitab wa Buhuth fi al-Tasawwuf al-Maghribi*. t.tp.: t.pt.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. 1999. *Ajwibah fi al-Dunya wa al-Din, (Muhammad bin Sulayman al-Juzuli Muqarabah Tahliliyyah li Kitabatih al-Sufiyyah)*. Marrakesh: Maktabah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. 1999. *Hizb al-Falah / al-Hizb al-Saghir, (Muhammad bin Sulayman al-Juzuli Muqarabah Tahliliyyah li Kitabatih al-Sufiyyah)*. Marrakesh: Maktabah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. 1999. *Hizb al-Kabir, (Muhammad bin Sulayman al-Juzuli Muqarabah Tahliliyyah li Kitabatih al-Sufiyyah)*. Marrakesh: Maktabah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. 1999. *Risalah fi al-Tawhid, (Muhammad bin Sulayman al-Juzuli Muqarabah Tahliliyyah li Kitabatih al-Sufiyyah)*. Marrakesh: Maktabah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. 1999. *Risalah fi al-Zuhd, (Muhammad bin Sulayman al-Juzuli Muqarabah Tahliliyyah li Kitabatih al-Sufiyyah)*. Marrakesh: Maktabah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. 2013. *Dala'il al-Khayrat wa Shawariq al-Anwar fi Dhikr al-Salat 'ala al-Nabi al-Mukhtar*. Amman: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. 2014. *Al-'Aqidah al-Juzuli*. Kuwait: Dar al-Diya'.
- Al-Juzuli, Muhammad bin Sulayman. t.th. *Risalah fi Bayan Haqiqat al-Zuhd*. Rabat: Manuskrip al-Khizanah al-Hassaniyyah.
- Makhluf, Muhammad. 2012. *Shajarah al-Nur al-Zakiyyah fi Tabaqat al-Malikiyyah*. Kaherah: Maktabah al-Thaqafah al-Diniyyah.
- Al-Sanusi, Muhammad bin Yusuf. 2019. *Al-'Aqidah al-Sughra*. Johor: ARG Publication.
- Al-Semlali, 'Abbas bin Ibrahim. 2010. *Izhar al-Kamal fi Tatmim Manaqib Sab'at Rijal*. Rabat: Al-Matba'ah wa al-Wiraqah al-Wataniyyah.
- Al-Timbukti, Ahmad Baba. 2000. *Nayl al-Ibtihaj*. Libya: Dar al-Kutub Tarabulus.